

25 JUL 2000

Mahathir-BN

BN TANGGUH KEPUTUSAN PERMOHONAN EMPAT PARTI SERTA I GABUNGAN

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini menangguhkan keputusan terhadap permohonan empat buah parti politik untuk menyertai gabungan 14 parti itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN, berkata parti-parti komponen menangguhkan keputusan mengenai permohonan itu untuk memberi peluang kepada mereka menarik seberapa ramai anggota ke dalam parti masing-masing.

"Kita tangguhkan perkara ini untuk masing-masing memikirkannya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat agung BN di ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Parti-parti komponen BN kini ialah Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung, SAPP, Akar, PBRS, UPKO dan LDP di Sabah serta PBB, SNAP, PBDS dan SUPP di Sarawak.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, parti-parti komponen bersetuju untuk mencari satu formula yang sesuai bagi menyelesaikan soal permohonan empat buah parti politik itu.

"Kita hendak cari satu formula cara mana kita boleh terima dan dipersetujui oleh semua pihak," katanya.

Mohamed berkata, pada masa ini BN belum menolak permohonan parti-parti berkenaan, yang mana nama mereka tidak diumumkan.

Selain mesyuarat agung tahunan, BN juga mengadakan mesyuarat biasa Dewan Tertingginya selepas itu.

Dr Mahathir berkata, pada mesyuarat itu beliau mengambil kesempatan menjelaskan tentang keadaan politik semasa, kesan kempen membenci kerajaan oleh pembangkang serta peristiwa Sauk, yang telah mengobankan dua anggota pasukan keselamatan.

"Kempen membenci kerajaan ini telah sampai ke tahap yang amat berbahaya kerana sudah ada orang yang bertindak tanpa memikir sama sekali, sama ada benar atau tidak tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kempen itu telah mengakibatkan beberapa pihak sanggup mengambil tindakan yang mendatangkan banyak keburukan kepada diri dan negara, samata-mata kerana perasaan marah dan benci terhadap kerajaan.

Beliau dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memberikan penjelasan terperinci mengenai peristiwa Sauk bagi mengelakkan salah faham bahawa kejadian itu adalah perbuatan yang berasaskan ajaran Islam.

"Kita sendiri tidak bersetuju dengan tindakan ini, kita tidak sokong mereka dan kita percaya bahawa Islam tidak menyuruh kita melakukan penindasan ke atas bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, wakil-wakil parti komponen turut membangkitkan beberapa soalan berhubung peristiwa itu dan mereka berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan serta berjanji memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan untuk menangani masalah itu.

Peristiwa Sauk bermula dengan rompakan lebih 100 senjata api oleh sekumpulan anggota kumpulan Al-Ma'unah di dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai dan mereka kemudian menyertai beberapa anggota lain kumpulan itu bersembunyi di hutan Bukit Jenalek, Sauk, Kuala Kangsar.

Kesemua 27 anggota kumpulan itu menyerah diri pada 6 Julai kepada pasukan keselamatan yang mengepung mereka di Sauk, bagaimanapun dua daripada empat tebusan yang mereka tawan di Sauk iaitu Sarjan R. Sagadevan, anggota polis cawangan khas Kuala Kangsar dan komando Mathew ak Medan dari

kem Terendak, Melaka dibunuh dengan kejam.

Ditanya sama ada peristiwa Sauk menggugat perhubungan parti-parti komponen BN, Dr Mahathir berkata, ia tidak menggugat perhubungan tetapi parti-parti komponen ingin tahu apa sebenarnya berlaku supaya mereka dapat meredakan perasaan di kalangan rakyat.

Perdana Menteri berkata, parti-parti komponen akan turut memberi penjelasan kepada anggota parti serta rakyat tentang peristiwa Sauk kerana salah faham mengenai kejadian itu sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan dan kemarahan di kalangan rakyat.

"Umpamanya terdapat perasaan marah di kalangan orang Sarawak kerana orang Iban dibunuh oleh orang Islam.

"Kita terangkan bahawa ini bukan orang Islam serang orang Iban tetapi perbuatan jenayah oleh satu kumpulan yang tidak disokong oleh kerajaan atau orang Islam yang lain," katanya.

Mesyuarat itu juga memutuskan untuk mengadakan konvensyen BN pada tahun ini dan ia akan menjadi acara tahunan.

-- BERNAMA

AFY AHH RI